



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)
(NO. 20) 2007 (PINDAAN) 2018

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 20) 2007
(AMENDMENT) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (NO. 20) 2007 (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 20) 2007 (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Oktober 2017 kecuali perenggan 2, subperenggan 3(a), subperenggan 5(a), (b) dan (c), dan perenggan 7, 8 dan 9.

(3) Perenggan 2, subperenggan 3(a), subperenggan 5(a), (b) dan (c), dan perenggan 7, 8 dan 9 disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 kecuali perenggan 9 berhubung dengan butiran 6 Jadual.

(4) Perenggan 9 berhubung dengan butiran 6 Jadual disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 2016.

Pindaan am

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 20) 2007 [*P.U. (A) 418/2007*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “aktiviti kelayakan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “aktiviti yang layak”.

Pindaan perenggan 2

3. Perenggan 2 Perintah ibu dipinda dalam subperenggan (1)—

(a) dalam takrif “aktiviti yang layak”, dengan menggantikan perkataan “yang ditetapkan oleh Menteri” dengan perkataan “yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual berhubung dengan sektor yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual yang diluluskan oleh Menteri;” dan

(b) dengan menggantikan takrif “syarikat berstatus IDR” dengan takrif yang berikut:

‘ “syarikat berstatus IDR” ertinya syarikat yang disebut dalam perenggan 2A;’.

Perenggan baharu 2A

4. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

“Pemakaian

2A. Perintah ini hendaklah terpakai bagi syarikat berstatus IDR—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) yang bermastautin di Malaysia;

(c) yang diluluskan oleh Menteri; dan

(d) yang memenuhi kehendak yang berikut:

(i) menjalankan aktiviti yang layak dalam nod yang diluluskan;

- (ii) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi yang diluluskan dalam nod yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang layak; dan
- (iii) melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang layak atau pelaburan dalam harta tetap yang mencukupi yang diluluskan dalam nod yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang layak.”.

Pindaan perenggan 3

5. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada perenggan ini dan perenggan 3A, Menteri mengecualikan suatu syarikat berstatus IDR daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanunnya yang berpunca daripada aktiviti yang layak bagi suatu tempoh sepuluh tahun bermula dari tarikh permulaan aktiviti yang layak itu (selepas ini disebut sebagai “tempoh dikecualikan”).”;

- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarikat berstatus IDR itu mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu.”;

- (c) dengan memotong subperenggan (2); dan
- (d) dengan memasukkan selepas subperenggan (2) sebagaimana yang dipotong subperenggan yang berikut:

“(2A) Tertakluk kepada subperenggan (2B), jika suatu syarikat berstatus IDR telah diberikan pengecualian oleh Menteri di bawah subperenggan (1) pada atau sebelum 16 Oktober 2017, kehendak yang disebut dalam subsubperenggan (b) dan (c) dalam takrif “syarikat berstatus IDR” hendaklah tidak terpakai bagi syarikat berstatus IDR itu hingga 30 Jun 2021.

(2B) Jika suatu syarikat berstatus IDR menjalankan suatu aktiviti yang layak yang baharu selepas 16 Oktober 2017, subperenggan (2A) hendaklah tidak terpakai dan syarikat berstatus IDR itu hendaklah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) berhubung dengan aktiviti yang layak yang baharu itu hingga 31 Disember 2018.

(2C) Jika suatu syarikat berstatus IDR telah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) selepas 16 Oktober 2017, kehendak yang disebut dalam subsubperenggan (b) dan (c) dalam takrif “syarikat berstatus IDR” hendaklah tidak terpakai bagi syarikat berstatus IDR itu hingga 31 Disember 2018.”.

Perenggan baharu 3A

6. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 3 perenggan yang berikut:

“Pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira

- 3A. (1) Dalam menentukan pendapatan berkanun suatu syarikat berstatus IDR yang disebut dalam subperenggan 3(1), pendapatan harta intelek berikut yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak hendaklah tidak diambil kira:

- (a) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2018 tetapi sebelum 1 Julai 2021, daripada hak harta intelek yang baharu yang dimiliki oleh syarikat berstatus IDR; dan
 - (b) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2021 daripada semua hak harta intelek yang dimiliki oleh syarikat berstatus IDR.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1)—

 - (a) suatu syarikat berstatus IDR memiliki hak harta intelek jika syarikat berstatus IDR itu adalah pemilik atau pemegang lesen hak itu;
 - (b) royalti atau pendapatan lain adalah diperoleh daripada hak harta intelek jika ia diterima sebagai balasan bagi pengeksploitasian secara komersial hak tersebut;
 - (c) “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada paten, inovasi dan penemuan utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, proses atau formula dan pengetahuan rahsia, petunjuk geografi, pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan dan hak-hak lain yang serupa, sama ada berdaftar atau boleh daftar;
 - (d) “hak harta intelek yang baharu” ertinya hak harta intelek yang berkaitan dengan aktiviti yang layak yang disediakan oleh syarikat berstatus IDR yang—

(i) menjadi milik syarikat berstatus IDR pada atau selepas 1 Julai 2018; atau

(ii) menjadi milik syarikat berstatus IDR selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 akibat perolehan oleh syarikat berstatus IDR, secara langsung atau tidak langsung, daripada syarikat berkaitan; dan

(e) “syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*].

(3) Apa-apa pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta.”.

Perenggan baharu 4A

7. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

“Penarikan balik pengecualian

4A. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 3(1) mulai dari tarikh dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sekiranya syarikat berstatus IDR gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 3(1) berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat berstatus IDR itu dari tarikh yang disebut dalam subperenggan (1).”.

Pindaan perenggan 7

8. Perenggan 7 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “31 Disember 2015” dengan perkataan “31 Disember 2020”.

Jadual baharu

9. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 7 Jadual yang berikut:

“JADUAL

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
1.	Industri kreatif dan perkhidmatan berkaitan	<p>(a) Perkhidmatan kreatif dan reka bentuk;</p> <p>(b) perkhidmatan pengurusan bakat kreatif;</p> <p>(c) filem dan televisyen:</p> <p style="padding-left: 20px;">(i) pra-produksi;</p> <p style="padding-left: 20px;">(ii) produksi;</p> <p style="padding-left: 20px;">(iii) pasca-produksi; dan</p> <p style="padding-left: 20px;">(iv) pengedaran;</p> <p>(d) permainan dan animasi:</p> <p style="padding-left: 20px;">(i) ciptaan kandungan;</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
		<ul style="list-style-type: none"> (ii) produksi; (iii) pasca-produksi; dan (iv) pengedaran; (e) pengiklanan dan penjanaan kandungan dalam talian dan mudah alih; (f) pengagregatan dan pemudah cara kandungan dalam talian dan mudah alih; (g) penyelidikan dan pembangunan kreatif; (h) pengedaran dan pemasaran kandungan kreatif; (i) perkhidmatan media dan kandungan bersepadu; dan (j) seni visual dan persembahan.
2.	Perkhidmatan pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> (a) Universiti; (b) kolej; (c) institusi latihan kemahiran;

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
		<p>(d) institusi penyelidikan dan pembangunan; dan</p> <p>(e) pusat latihan serantau.</p>
3.	Penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan	<p>(a) Hospital dan pusat perubatan alternatif (perubatan tradisional dan komplementari);</p> <p>(b) perkhidmatan pergigian dan ortodontik bersepadu;</p> <p>(c) penyelidikan dan pembangunan penjagaan kesihatan; dan</p> <p>(d) perkhidmatan makmal bersepadu.</p>
4.	Perkhidmatan logistik	<p>(a) Perkhidmatan rangkaian perbekalan bersepadu; dan</p> <p>(b) perkhidmatan rangkaian perbekalan dan penyelesaian bernilai tinggi.</p>
5.	Pelancongan	<p>(a) Hotel;</p> <p>(b) taman tema, pusat hiburan dan hiburan</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) <i>Aktiviti yang layak</i>
		keluarga dan pusat kebudayaan; (c) pusat persidangan dan pusat pameran; dan (d) perkhidmatan operasi serantau hotel dan riadah.
6.	Perkhidmatan perniagaan sedunia	(a) Penyumberluaran teknologi maklumat; (b) penyumberluaran proses perniagaan; dan (c) penyumberluaran proses pengetahuan

Dibuat 31 Disember 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.133-1); LHDN.01.10.5-3/64-5; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Timbalan Perdana Menteri
yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
 Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 20) 2007 (AMENDMENT) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 20) 2007 (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 16 October 2017 except for paragraph 2, subparagraph 3(a), subparagraphs 5(a), (b) and (c), and paragraphs 7, 8 and 9.

(3) Paragraph 2, subparagraph 3(a), subparagraphs 5(a), (b) and (c), and paragraphs 7, 8 and 9 are deemed to have come into operation from the year of assessment 2007 except for paragraph 9 in relation to item 6 of the Schedule.

(4) Paragraph 9 in relation to item 6 of the Schedule is deemed to have come into operation on 1 November 2016.

General amendment

2. The Income Tax (Exemption) (No. 20) Order 2007 [*P.U. (A) 418/2007*], which is referred to as the “principal Order” in this Order is amended in the national language text by substituting for the words “aktiviti kelayakan” wherever appearing the words “aktiviti yang layak”.

Amendment of paragraph 2

3. Paragraph 2 of the principal Order is amended in subparagraph (1)—

(a) in the definition of “qualifying activity”, by substituting for the words “determined by the Minister” the words “specified in column (3) of the Schedule in relation to the sector as set out in column (2) of the Schedule which is approved by the Minister;”; and

(b) by substituting for the definition of “IDR-status company” the following definition:

‘ “IDR-status company” means the company referred to in paragraph 2A;’.

New paragraph 2A

4. The principal Order is amended by inserting after paragraph 2 the following paragraph:

“Application

2A. This Order shall apply to an IDR-status company—

(a) incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777];

(b) resident in Malaysia;

(c) approved by the Minister; and

(d) which fulfills the following requirements:

(i) carries on a qualifying activity in an approved node;

- (ii) has an approved adequate number of full-time employees in an approved node to carry on the qualifying activity; and
- (iii) incurs an approved adequate amount of annual operating expenditure to carry on the qualifying activity or an approved adequate investment in fixed asset in an approved node to carry on the qualifying activity.”.

Amendment of paragraph 3

5. Paragraph 3 of the principal Order is amended—

(a) by substituting for subparagraph (1) the following subparagraph:

“(1) Subject to this paragraph and paragraph 3A, the Minister exempts an IDR-status company from the payment of income tax in respect of its statutory income derived from a qualifying activity for a period of ten years commencing from the date of commencement of that qualifying activity (hereinafter referred to as “exempt period”).”;

(b) by inserting after subparagraph (1) the following subparagraph:

“(1A) An exemption granted under subparagraph (1) is subject to the IDR-status company complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption.”;

(c) by deleting subparagraph (2); and

(d) by inserting after subparagraph (2) as deleted the following subparagraphs:

“(2A) Subject to subparagraph (2B), where an IDR-status company has been granted an exemption under subparagraph (1) on

or before 16 October 2017, the requirements referred to in subparagraphs *(b)* and *(c)* in the definition of “IDR-status company” shall not apply to that IDR-status company until 30 June 2021.

(2B) Where an IDR-status company carries on a new qualifying activity after 16 October 2017, subparagraph (2A) shall not apply and the IDR-status company shall be granted an exemption under subparagraph (1) in relation to that new qualifying activity until 31 December 2018.

(2C) Where an IDR-status company has been granted an exemption under subparagraph (1) after 16 October 2017, the requirements referred to in subparagraphs *(b)* and *(c)* in the definition of “IDR-status company” shall not apply to that IDR-status company until 31 December 2018.”.

New paragraph 3A

6. The principal Order is amended by inserting after paragraph 3 the following paragraph:

“Exclusion of intellectual property income

3A. (1) In ascertaining the statutory income of an IDR-status company referred to in subparagraph 3(1), the following intellectual property income derived from a qualifying activity of the IDR-status company shall be excluded:

(a) royalties and other income derived on or after 1 July 2018 but before 1 July 2021, from new intellectual property rights the IDR-status company owns; and

(b) royalties and other income derived on or after 1 July 2021 from all intellectual property rights that the IDR-status company owns.

- (2) For the purposes of subparagraph (1)—
- (a) an IDR-status company owns an intellectual property right if the IDR-status company is the owner or the licensee of the right;
 - (b) royalties or other income is derived from an intellectual property right if it is receivable as consideration for the commercial exploitation of that right;
 - (c) “intellectual property right” means a right arising from any patent, utility innovation and discovery, copyright, trade mark and service mark, industrial design, layout-design of integrated circuit, secret processes or formulae and know-how, geographical indication and the grant of protection of a plant variety and other like rights, whether or not registered or registrable;
 - (d) “new intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the qualifying activity of the IDR-status company that—
 - (i) comes into the ownership of the IDR-status company on or after 1 July 2018; or
 - (ii) comes into the ownership of the IDR-status company after 16 October 2017 but before 1 July 2018 as a result of an acquisition by the IDR-status company, directly or indirectly, from a related company; and

(e) “related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327].

(3) Any intellectual property income excluded in subparagraph (1) is subject to tax under the Act.”.

New paragraph 4A

7. The principal Order is amended by inserting after paragraph 4 the following paragraph:

“Withdrawal of exemption

4A. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 3(1) from the date in the basis period for a year of assessment the IDR-status company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted under subparagraph 3(1) in respect of any amount of the statutory income shall be deemed to have not been granted to the IDR-status company from the date mentioned in subparagraph (1).”.

Amendment of paragraph 7

8. Paragraph 7 of the principal Order is amended by substituting for the words “31 December 2015” the words “31 December 2020”.

New Schedule

9. The principal Order is amended by inserting after paragraph 7 the following Schedule:

"SCHEDULE

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity
1.	Creative industries and related services	<p>(a) Creative and design services;</p> <p>(b) creative talent management services;</p> <p>(c) film and television:</p> <p style="padding-left: 20px;">(i) pre-production;</p> <p style="padding-left: 20px;">(ii) production;</p> <p style="padding-left: 20px;">(iii) post-production; and</p> <p style="padding-left: 20px;">(iv) distribution;</p> <p>(d) games and animation:</p> <p style="padding-left: 20px;">(i) content creation;</p> <p style="padding-left: 20px;">(ii) production;</p> <p style="padding-left: 20px;">(iii) post-production; and</p> <p style="padding-left: 20px;">(iv) distribution;</p> <p>(e) online and mobile content generation and advertising;</p>

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity
		<p><i>(f)</i> online and mobile content aggregation and enablers;</p> <p><i>(g)</i> creative research and development;</p> <p><i>(h)</i> distribution and marketing of creative content;</p> <p><i>(i)</i> integrated media and content services; and</p> <p><i>(j)</i> visual and performing arts.</p>
2.	Educational services	<p><i>(a)</i> Universities;</p> <p><i>(b)</i> colleges;</p> <p><i>(c)</i> skills training institutions;</p> <p><i>(d)</i> research and development institutions; and</p> <p><i>(e)</i> regional training centres.</p>
3.	Healthcare and related services	<p><i>(a)</i> Hospitals and alternative medicine (traditional and complementary medicine) centres;</p>

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity
		<p><i>(b)</i> integrated dental and orthodontic services;</p> <p><i>(c)</i> healthcare research and development; and</p> <p><i>(d)</i> integrated laboratory services.</p>
4.	Logistics services	<p><i>(a)</i> Integrated supply chain services; and</p> <p><i>(b)</i> high value supply chain services and solutions.</p>
5.	Tourism	<p><i>(a)</i> Hotels;</p> <p><i>(b)</i> theme parks, amusement and family entertainment centres and cultural centres;</p> <p><i>(c)</i> conference centres and exhibition centres; and</p> <p><i>(d)</i> regional operation of hotel and leisure services.</p>
6.	Global business services	<p><i>(a)</i> Information technology outsourcing;</p> <p><i>(b)</i> business process outsourcing; and</p>

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity
		(c) knowledge process outsourcing.

Made 31 December 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.133-1); LHDN.01.10.5-3/64-5; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Deputy Prime Minister
exercising the functions of the Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]